

**ANALISIS LAPORAN PENANG INTERNATIONAL HALAL HUB (PIHH)
MENGENAI TREND PENSIJILAN HALAL PRODUK MAKANAN, BAHAN
MENTAH DAN PREMIS MAKANAN DI PULAU PINANG DARI TAHUN
2010 HINGGA 2017**

(Report Analysis of the Penang International Halal Hub (PIHH) About the Halal Certification of Food Products, Raw Materials and Food Premises in Pulau Pinang from the Year 2010 until 2017)

¹ KHAIRUDIN SHAARY

¹ MOHAMMAD AMIR WAN HARUN

² KHAIRUNISAK BINTI SHAARY

¹ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

ABSTRAK

Pensijilan halal di Malaysia merupakan tanggungjawab dan jaminan terhadap kredibiliti kehalalan sesuatu produk atau makanan. Penang International Halal Hub (PIHH) merupakan sebuah perbadanan di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab untuk membangunkan inisiatif halal di negeri ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti analisis laporan PIHH berkaitan pemerolehan sijil halal bagi kategori produk makanan, bahan mentah dan premis makanan dari tahun 2010 hingga 2017. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara tidak berstruktur dan menganalisis dokumen mentah yang dilampirkan PIHH. Temu bual dilaksanakan bersama Penolong Pegawai Teknologi Makanan PIHH dan analisis dokumen yang dilakukan secara induktif. Dapatan kajian menunjukkan pemilikan sijil halal bagi

kategori produk makanan meningkat sebanyak 364% dan pemilikan sijil halal bagi kategori premis makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 305% dari tahun 2010 hingga 2017. Bagi kategori bahan mentah, kajian ini terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama bermula tahun 2010 hingga 2013 mencatatkan peningkatan sebanyak 700%, namun fasa kedua iaitu pada 2014 hingga 2017 penurunan mencatatkan sebanyak 380%. Usaha menambah baik dan mempromosikan inisiatif halal kategori bahan mentah perlu diperhebatkan kerana bahan mentah merupakan asas penting kepada kelestarian halal dalam aspek produk makanan dan premis makanan.

Kata kunci: Analisis; laporan; produk makanan; bahan mentah; premis makanan

ABSTRACT

The halal certification in Malaysia is responsible and guarantees the credibility of a food product. Penang International Halal Hub (PIHH) is a corporation under the Penang State Government that in charge for developing halal initiatives in the state. Hence, this research aims to examine the analysis of the PIHH reports on the procurement of halal certificates for categories in food products, raw materials, and food premises from the year 2010 to 2017. Conducted research used the method of conversing an informal interview and analyzed the raw documents attached to PIHH. Interviews were conducted with the Assistant Officer of PIHH's food technology department and an inductive document analysis has been implemented. The results shows that the ownership of the Halal certificates for the food product category have increased by 364% and the legalization of the Halal certificates for the food premise category have increased by 305% from the year 2010 to 2017. For the raw material category, this research has been divided into two separate phases. The first phase is from the year 2010 to 2013 which have increased by 700%, while the second phase is from the year 2014 to 2017 which have decreased by 380%. Therefore, the efforts to improve and promote the Halal initiative of the raw materials category should be intensified due to the reason of being an important basis for the Halal sustainability in terms of food products and food premises.

Keywords: Analysis; reports; food products; raw materials; food premises

PENGENALAN

Zaman teknologi yang berkembang pesat ini menyaksikan isu makanan menjadi semakin kompleks. Terdapat produk makanan yang pada awalnya mendapat persijilan halal yang sah, tetapi kemudian harinya terdapat unsur yang meragukan di dalam produk itu. Sebagai contoh, isu produk coklat berjenama Cadbury menjadi polemik hangat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia selepas disebar

secara meluas (Ramli et al. 2015). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui siasatannya terhadap tiga produk Cadbury telah menemui dua unsur *Deoxyribo Nucleic Acid* (DNA) khinzir (porcine) di dalam dua produk iaitu Coklat Susu dengan Kacang Hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan Coklat Susu dengan Buah Badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond). Manakala satu (1) lagi sampel iaitu Coklat Susu (Cadbury Dairy Milk Chocolate) tidak dikesan DNA khinzir (porcine) (KKM 2014).

Di samping itu, isu pemalsuan sijil serta logo halal juga adalah realiti yang sedang berlaku di dalam negara ini (Siti Radhiah & Shahrim 2013). Akhbar *Sinar Harian* pada 23 April 2019 turut melaporkan isu penggunaan logo halal palsu yang mana sebanyak 27 tan kurma menggunakan logo halal palsu. Kebanyakan kurma diimport dari pelbagai negara dan menggunakan logo halal tanpa kebenaran JAKIM, malah logo yang digunakan tidak sama dengan logo asli (Asiah Shafi et. al 2019)

Di Malaysia, badan-badan kerajaan yang terdiri daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah menetapkan garis panduan yang perlu ditepati dalam mengeluarkan sijil halal kepada syarikat-syarikat atau pengusaha-pengusaha makanan (Siti Radhiah dan Shahrim 2013). Pengenalan logo halal oleh JAKIM telah melahirkan banyak kesedaran dalam kalangan umat Islam mengenai kepentingan memakan produk atau perkhidmatan yang mengikuti garis panduan dan prinsip Islam (Asiah Shafi et. al 2019).

Berdasarkan statistik kependudukan negeri Pulau Pinang tahun 2010-2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, demografi penduduk Pulau Pinang menunjukkan kependudukan masyarakat Islam adalah kurang berbanding masyarakat bukan Islam. Lebih jelas, statistik pada tahun 2014 menunjukkan bahawa penduduk berbangsa Cina dan India sahaja berjumlah 850,500, manakala Melayu 681,000 belum termasuk bangsa-bangsa lain. Oleh itu, kebarangkalian cabaran penduduk Islam di Pulau Pinang untuk mendapatkan sumber makanan halal adalah relevan. Jadual 1 menunjukkan statistik kependudukan di Pulau Pinang tahun 2010 hingga 2014.

Data pada tahun 2015 Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) menunjukkan bahawa daripada 305 pemegang sijil halal produk makanan Pulau Pinang, pengusaha Islam atau yang ditandakan sebagai bumiputera menunjukkan angka yang lebih kecil iaitu sebanyak 62 syarikat sahaja. Manakala 243 syarikat lagi terdiri dalam kalangan syarikat bukan Islam atau ditandakan sebagai bukan bumiputera (Bahagian Pengurusan Halal, JAIPP 2015). Berasaskan kesepaduan data demografi kependudukan dan data pemegang sijil halal JAIPP tersebut, kajian berkaitan aspek sumber makanan dan pemakanan halal masyarakat Islam Pulau Pinang perlu dilakukan bagi memastikan sumber pemerolehan makanan halal terjamin.

JADUAL 1. Taburan Penduduk Mengikut Daerah di Pulau Pinang Tahun 2010-2014

Daerah <i>District</i>	Tahun <i>Year</i>	Jumlah <i>Total</i>	Warganegara Malaysia / <i>Malaysian</i>							Lain-lain <i>Others</i>	Bukan Warganegara Malaysia <i>Non Malaysian</i>
			Jumlah Warganegara Malaysia <i>Total Malaysian</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>		Cina <i>Chinese</i>	India <i>Indian</i>	Lain-lain <i>Others</i>			
				Melayu <i>Malay</i>	Bumiputera lain <i>Others</i>						
Pulau Pinang <i>Penang</i>	2010	1,575.9	1,475.0	636.2	6.3	671.3	156.8	4.4	101.0		
	2011	1,593.6	1,492.0	647.3	6.4	675.2	158.6	4.4	101.6		
	2012	1,611.1	1,509.0	658.3	6.6	679.1	160.5	4.5	102.1		
	2013	1,628.4	1,526.0	669.6	6.7	682.8	162.3	4.6	102.5		
	2014	1,645.7	1,542.9	691.0	6.8	683.6	164.2	4.6	102.9		
Timur Laut <i>North East</i>	2010	525.0	489.2	108.6	2.4	322.5	54.0	1.7	35.8		
	2011	527.3	491.8	109.1	2.5	323.5	55.0	1.7	35.5		
	2012	529.4	494.3	109.6	2.5	324.5	56.0	1.7	35.1		
	2013	531.4	496.7	110.2	2.6	325.5	57.0	1.6	34.7		
Barat Daya <i>South West</i>	2014	533.3	499.1	110.7	2.6	326.1	58.0	1.6	34.2		
	2010	203.5	192.2	116.9	1.0	61.5	12.2	0.5	11.3		
	2011	206.3	194.9	118.4	1.0	62.7	12.2	0.6	11.4		
	2012	209.1	197.6	119.9	1.1	63.9	12.2	0.6	11.5		
2013	211.9	200.4	121.5	1.1	65.0	12.2	0.6	11.5			
2014	214.7	203.1	123.0	1.1	66.2	12.1	0.6	11.6			

bersambung ...

sambungan ...

Seberang Perai	2010	297.9	287.0	173.1	0.8	89.0	23.5	0.6	10.9
Utara	2011	300.4	289.4	175.3	0.9	89.2	23.4	0.6	11.0
Northern	2012	303.0	291.8	177.5	0.9	89.4	23.4	0.7	11.2
Seberang	2013	305.6	294.3	179.8	0.9	89.5	23.4	0.7	11.3
Perai	2014	308.1	296.7	182.1	0.9	89.7	23.3	0.7	11.4
Seberang Perai	2010	376.4	342.5	170.3	1.4	133.8	35.8	1.1	33.9
Tengah	2011	380.3	345.9	173.7	1.5	133.8	35.8	1.1	34.3
Central Seberang	2012	394.0	349.3	177.1	1.5	133.8	35.7	1.2	34.7
Perai	2013	387.7	352.7	180.5	1.5	133.8	35.7	1.2	35.0
	2014	391.4	356.0	184.0	1.6	133.7	35.6	1.2	35.4
Seberang Perai	2010	173.2	164.1	67.4	0.5	64.5	31.3	0.4	9.1
Selatan	2011	179.4	170.0	70.8	0.6	66.1	32.3	0.4	9.4
Southern	2012	185.6	175.9	74.1	0.6	67.6	33.2	0.4	9.7
Seberang Perai	2013	191.9	181.9	77.6	0.6	69.1	34.1	0.5	10.0
	2014	198.1	187.9	81.0	0.6	70.7	35.1	0.5	10.3

Penang International Halal Hub (PIHH)

PIHH atau dikenali juga sebagai Halal Penang adalah sebuah agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan sejak 2008 memegang tanggungjawab untuk merancang, mengurus tadbir, mempromosi, dan membangunkan inisiatif halal khusus di negeri Pulau Pinang (PIHH 2019).

Hab Halal di Pulau Pinang dibangunkan melalui pendekatan penjenamaan dan berasakan konsep holistik yang dikembangkan secara kluster atau bahagian. Terdapat 10 kluster iaitu Industri Pembuatan dan Pengilangan, Asas Tani, Logistik, Asas Sains, Penyelidikan dan Pembangunan, Kewangan Islam, Pelancongan dan Hospitaliti, Sumber Tenaga Manusia, Promosi dan Pemasaran serta Pembangunan Usahawan Halal. Penang International Halal Hub (PIHH) telah dianugerahkan Malaysian Halal Excellence Awards 2009 dalam kategori 'Best Halal Facility Provider' hasil kesungguhan kerajaan negeri merealisasikan impian menjadikan Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa. Penubuhan 'Task Force Halal Hub' pada akhir tahun 2008, diikuti penubuhan PIHH membantu kerajaan negeri mengengahkan Pulau Pinang sebagai negeri utama dalam mempromosi konsep inisiatif halal secara holistik (Buletin Mutiara 2011).

METODOLOGI

Berdasarkan taburan kependudukan dan data-data dari Bahagian Pengurusan Halal, JAIPP menunjukkan bahawa sumber pemerolehan makanan halal di Pulau Pinang terdapat cabarannya yang tersendiri. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk meneliti trend statistik pemegang sijil halal pemain industri makanan halal di Pulau Pinang terutama dalam aspek produk makanan, bahan mentah dan premis makanan.


Kajian ini mengadaptasi metode kualitatif dengan kaedah temu bual dan menganalisis dokumen. Pada peringkat awal, kajian lapangan (field research) dibuat dengan menggunakan pendekatan temu bual secara tidak berstruktur bersama Penolong Pegawai Teknologi Makanan di Penang International Halal Hub (PIHH), Kompleks Tun Abdul Rahman (KOMTAR), Pulau Pinang. Hasil temu bual dapat membantu kefahaman berkaitan fungsi dan skop tugas PIHH dalam mengurus tadbir inisiatif halal di negeri Pulau Pinang.

Seterusnya, kajian dijalankan dengan menganalisis dokumen mentah yang dilampirkan oleh pihak PIHH. Analisis dokumen yang dilakukan diterjemahkan dalam bentuk carta graf bagi memudahkan bacaan dan pemahaman data. Hasil daripada analisis dokumen, kajian ini diteruskan dengan menginterpretasikan dan membuat analisis kritikal kepada hasil penemuan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Statistik Pemegang Sah Sijil Halal Semasa Negeri Pulau Pinang (2010-2017)

Berdasarkan analisis dokumen, graf yang dapat ditampilkan adalah seperti Jadual 1.




GRAF 1 Senarai Pemegang Sijil Halal Semasa Bagi Kategori Produk Makanan di Negeri Pulau Pinang


Pemegang persijilan halal Malaysia dalam kategori produk makanan menunjukkan trend meningkat melebihi 500% dalam tempoh tujuh tahun. Bermula tahun 2010, sebanyak 149 pemegang sijil halal dicatatkan dan pada 2017 pemegang sijil halal yang sah mencatatkan sejumlah 692 pemegang.

Jumlah yang meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan kesedaran pengeluaran produk makanan halal semakin meningkat. Hal ini adalah hasil usaha pihak PIHH dalam meningkatkan pemahaman kepada pengeluar produk makanan tentang kepentingan memohon sijil halal. Dalam pada itu, permintaan di pasaran yang semakin tinggi terhadap produk makanan halal meningkatkan lagi jumlah pemegang sijil halal dalam kategori produk makanan halal.

Bagi kategori bahan mentah, peningkatan pemegang sijil halal Malaysia meningkat pada tahun 2010 hingga tahun 2013 daripada 12 kepada 84 pemegang sijil halal, namun pada tahun 2014 sehingga tahun 2017 pemegang sijil halal dalam kategori ini menunjukkan trend menurun sehingga mencatatkan hanya sejumlah 20 pemegang sijil halal sahaja. Masalah kesulitan untuk mendapatkan bahan mentah berstatus halal menjadi satu penyebab berkurangnya pemegang sijil halal dalam kategori ini di Negeri Pulau Pinang (Penolong pegawai teknologi makanan 2018).



GRAF 2 Senarai Pemegang Sijil Halal Semasa Bagi Kategori Bahan Mentah di Negeri Pulau Pinang



GRAF 3 Graf Pemegang Sijil Halal Semasa Bagi Kategori Premis Makanan di Negeri Pulau Pinang

Jumlah pemegang sijil halal bagi kategori premis makanan di Negeri Pulau Pinang bermula dari tahun 2010 hingga 2017 menunjukkan trend meningkat. Peningkatan

ketara mula berlaku dari tahun 2012 hingga 2017 melebihi 100% iaitu sejumlah 81 pemegang sijil halal Malaysia yang sah dalam kategori premis makanan. Pihak PIHH menunjukkan keberhasilan dalam menangani masalah pembukaan premis makanan tanpa sijil halal di Negeri Pulau Pinang. Ini menunjukkan pelaksanaan dan kawalan sentiasa dilakukan secara terus menerus oleh pihak yang bertanggungjawab (Penolong Pegawai Teknologi Makanan 2018).

PERBINCANGAN

Secara holistik, pemilikan sijil halal bagi kategori produk makanan dan kategori premis makanan menunjukkan trend meningkat. Kenaikan graf bagi kategori pemilikan sijil halal produk makanan berlaku secara setara dan stabil. Tahun 2010 mencatatkan seramai 149 pemegang dan sehingga tahun 2017 jumlah yang dicatatkan adalah seramai 692 pemegang sijil halal. Hal ini menunjukkan peningkatan sebanyak 364% dari 2010 hingga 2017. Hal Ini menunjukkan perkembangan yang positif kepada pengeluaran dan kesedaran masyarakat Islam Pulau Pinang terhadap produk yang diklasifikasikan dan disahkan halal oleh pihak yang berautoriti seperti JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) (Penolong Pegawai Teknologi Makanan 2018).

Pada masa yang sama, walaupun graf pemegang sijil halal bagi kategori premis makanan secara kerangka keseluruhannya menunjukkan peningkatan, namun pada tahun 2011 ke 2010 menunjukkan penurunan sebanyak empat pemegang sijil halal kategori ini iaitu daripada 24 menjadi 20 yang mana secara peratusnya adalah 16.67%. Bermula tahun 2012, trend meningkat terus berlaku dari tahun ke tahun sehingga 2017 walaupun pada tahun 2015 hingga 2016 hanya menunjukkan kenaikan sebanyak satu (1) pemegang sijil halal sahaja dalam kategori ini. Kesimpulannya, peningkatan yang mula berlaku pada tahun 2011 sehingga tahun 2017 adalah sebanyak 305%. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dilakukan supaya kesedaran pemilik premis makanan dapat ditingkatkan dan kemudahan akses pemerolehan sijil halal kategori ini dapat dilaksanakan.

Bacaan graf bagi kategori pemilikan bahan mentah halal menunjukkan senario yang berbeza berbanding dua kategori yang dinyatakan sebelum ini. Secara kesimpulan, senario graf bagi kategori ini boleh dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa meningkat dan fasa menurun. Statistik graf pada tahun 2010 hingga 2013 menunjukkan trend meningkat daripada 12 kepada 84 pemegang sijil halal kategori bahan mentah ini iaitu sebanyak 700%. Namun pada tahun 2014 sehingga graf terakhir tahun 2017, trend menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada 76 kepada 20 pemegang sahaja. Penurunan ini berlaku sebanyak 380%. Kesukaran mendapatkan bahan mentah yang disahkan halal adalah penyebab utama senario ini berlaku (Penolong Pegawai

Teknologi Makanan 2018). Inisiatif dan tanggungjawab terhadap pemerolehan sumber bahan mentah halal perlu dipertingkatkan oleh pihak kerajaan dan swasta (*Berita Harian* 2016). Hal ini membolehkan industri penghasilan bahan mentah halal berkembang seiring dengan industri penghasilan produk hiliran yang halal.

KESIMPULAN

Senario pemilikan sijil halal bagi kategori produk dan premis makanan menunjukkan tanda-tanda positif. Namun, pemilikan sijil halal kategori bahan mentah menunjukkan trend yang kurang memberangsangkan kerana faktor kesukaran mendapatkan sumber bahan mentah yang halal. Kajian berterusan perlu dilakukan terutamanya dalam meneliti inisiatif mengembangkan dan menggalakkan pemilikan sijil halal dalam aspek bahan-bahan mentah. Kajian mengenai persepsi dan karenah mendapatkan sijil halal terhadap pemilik industri pembuatan makanan dan premis makanan juga wajar dilakukan untuk mewujudkan paradigma baharu terhadap permasalahan tersebut.

RUJUKAN

- Ahmad H. Sakr. 1991. *Ramuan Makanan Islam, a Muslim Guide to Food*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, R. 2015. *Islamic Manufacturing Practice*. Halalmanufacturing.com.my: <http://halalmanufacturing.com/islamic-manufacturing-practice-imp/> [3 April 2018].
- Amin Ridzuan, *Berita Harian*. 2016. *Pensyarah UMP Hasil Kapsul Halal Daripada Rumpai Laut*. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20161004/281539405455253> [28 November 2019].
- Asiah Shafie, Mohd Arif Nazri & Haziyah Hussin. 2019. Makanan halal menurut perspektif Islam dan kepentingan pelabelan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3):070-084.
- Buku Data Asas Sosio-Ekonomi Negeri Pulau Pinang, (*Pulau Pinang in Numbers*) 2014-2015: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang: Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) & Penang Institut.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2014. *Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- Jusoh, M. 1986. *Perinsip Utama Makanan dan Minuman dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. 2007. *Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia*. Kuala Lumpur: OriGenius (M) Sdn. Bhd.
- Khairudin. 2013. *Halalan Thayyiban, Amalan Rukhsah dalam Pemakanan*. Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Norazilawati Md Dahlal. 2017. Konsep pengurusan kualiti makanan Halalan Tayyiban. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2006. *Halal Haram: Buku Penting Untuk Umat Islam*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Penolong Pegawai Teknologi Makanan. 2018. Temu bual. Penang Internasional Halal Hub (PIHH).
- Ratna Roshida Abd Razak, Nik Haslinda & Cik Muhammad Rafizi. 2006. Makanan dan produk halal: Apa pentingnya. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Produk Halal Makanan dan Barangan Gunaan Islam. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 13-14 Julai.
- Ramli, M.A., Jamaludin, M.A., Aminnuddin, A.Q. & Hamdan, M.N. 2015. Penyebaran maklumat palsu berkaitan produk halal dan implikasinya terhadap industri halal. Kertas kerja pembentangan di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 2-3 September.
- Siti Radhiah Omar & M. Shahrim Ab. Karim. 2013. *Halalan thoyyiban perspektif malaysia*, di sunting oleh Nurdeng Deuraseh. Institut Penyediaan Produk Halal: Universiti Putra Malaysia.
- Suhaimi Ab. Rahman & Jafri Abdullah. 2013. *Pengurusan Produk Halal di Malaysia*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Yusuf al-Qardhawi. 1995. *Halal dan Haram dalam Islam*. Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.
- Zulekha Yusuff, A. A., Maznah Daud, Farahdina Abd Manaf, Nor Salwati Sabtu & Mazlah Yaacob. 2008. *Sains Kesihatan dan Tamadun Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (Upen). Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.

- Buletin Mutiara. 2011. Edisi khas: Halal Penang - nadi industri halal di Pulau Pinang. <https://www.buletinmutiara.com/edisi-khas-halal-penang-nadi-industri-halal-di-pulau-pinang/> [1 April 2011].
- Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. 2015. <http://jaipp.penang.gov.my/images/pdf/sijilhalal/PemegangSijilHalalProdukMakanan.pdf> [1 Mac 2015].
- Bername. 2009. 27 tan kurma guna logo halal palsu dirampas. <https://www.sinarharian.com.my/article/25019/EDISI/Utara/27-tan-kurma-guna-logo-halal-palsu-dirampas> [23 April 2009].
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2014. kenyataan akhbar, http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/attach_download/337/530.
- Penang Internasional Halal Hub. 2019. <https://www.halalpenang.com/about-us/about-halal-penang>.